

Newspaper	Berita Harian
Date	2 December 2015

Tun M anggap kenyataan Zahid sebagai jemputan

BH - 2/12/2015

Subang Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menganggap harapan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk melihat kehadirannya di Perhimpunan Agung UMNO 2015 mulai Khamis ini, adalah sebagai satu jemputan.

Katanya, beliau akan hadir ke perhimpunan tahunan itu walaupun belum menerima surat jemputan.

Tidak akan berucap

“Saya anggap kenyataan Zahid itu sebagai jemputan. Tidak hantar surat (jemputan) pun tidak apa, saya tetap pergi. Saya tidak akan berucap dan hanya hadir sebagai ahli sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Bentuk PROTON 2015 di sini, semalam.

Pada Sabtu lalu, Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata parti menghormati Dr Mahathir sebagai bekas presiden dan pemimpin negara ini serta berharap beliau dapat menghadiri perhimpunan berkenaan.